

PTAR IQRA'

“LIBRARY for ALL”

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

29 April,
Kuala Ketil, Kedah –
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

Bil. 04/2015 | April | www.library.uitm.edu.my

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dengan kerjasama Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Kedah membuktikan legasi membantu anak-anak Bumiputera di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Puteri, Kuala Ketil, Baling Kedah di dalam meningkatkan pendidikan dan ilmu pengetahuan diteruskan melalui program IMD 2015.

Program IMD yang merupakan singkatan kepada Ilmu Mengubah Destini Anak Bangsa 2015 adalah merupakan satu program tanggungjawab sosial yang diuruskan oleh pihak pengurusan Perpustakaan UiTM dalam mentransformasikan pembangunan pusat sumber di sekolah-sekolah menengah yang berada di luar bandar.

Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar yang mewakili Prof. Madya Mohd Hanafiah Harun, Pengarah Program Mengubah Destini Anak Bangsa, UiTM berkata prinsip UiTM dalam menghulurkan bantuan dan menzahirkan sokongan kepada masyarakat Bumiputera di luar bandar yang serba kekurangan, telahpun menjadi kesinambungan kepada setiap pemimpin dan pengurusan tertinggi UiTM semenjak ditubuhkan dari dulu lagi. Program IMD PTAR 2015 ini mencerminkan bahawa pihak pengurusan perpustakaan UiTM mempunyai komitmen yang tinggi dalam menjayakan tanggungjawab sosial demi membantu mereka yang kurang berkemampuan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di UiTM. Persiapan dan kelancaran transformasi pusat sumber di sekolah ini juga turut mendapat beberapa tajaan daripada beberapa syarikat antaranya Jakel, Hewlett Packard, Epson, Smart Paint, Karangkraf dan lain-lain.



SIDANG REDAKSI

Penasihat
En. Noor Hidayat Adnan

Editor
En. Jamalludin Sulaiman

Pengurus Produksi
Pn. Nor Azwani Mohamad

Wartawan
En. Nik Lokman Nik Ismail
Pn. Nor Azwani Mohamad
En. Mohd Hazrul Mohd Hussin
Pn. Aznur Umiza Binti Abu Kassim

Grafik
Cik Ain Nur Munirah Abdullah
En. Zawawi Husin

Foto
Pn. Rostinah Mujir

Edaran
Pn. Munirah Mohamad Izzan

Idea, Konsep dan Terbitan
Unit Penerbitan, Bahagian Kompetensi dan Korporat, PTAR



Program

Ilmu Mengubah Destini PTAR 2015
Raikan Warga SMK Tanjong Puteri, Kuala Ketil Kedah

GALERI ILMU MENGUBAH DESTINI

Di SMK Tanjong Puteri, Kuala Ketil Kedah



Ceramah Motivasi



Pameran



Dirasmikan oleh
 Pengarah Program
 Mengubah Destini Anak Bangsa
Prof Madya Mohd Hanafiah Harun



**G
 a
 l
 a
 k
 a
 n
 P
 r
 o
 g
 r
 a
 m
 M
 e
 m
 b
 a
 c
 a**



Transformasi Perpustakaan



Sebelum




Selepas



Sebelum




Selepas



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

Bengkel Pengkatalogan dan Pengkelasan Guru Pusat Sumber Anjuran PTAR merentasi Daerah Baling, Kedah

Sungai Petani, Kedah – Satu bengkel pengkatalogan dan pengkelasan untuk Guru Pusat Sumber Sekolah Menengah seluruh Baling, Kedah telah diadakan di Swiss Inn Hotel, Sungai Petani, Kedah baru-baru ini.



Bengkel anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Kedah ini adalah merupakan salah satu program Perpustakaan UiTM yang diberikan nama Ilmu Mengubah Destini Anak Bangsa (IMD).

IMD adalah satu program tanggungjawab sosial yang menitikberatkan tentang penghayatan ilmu melalui pembangunan Pusat Sumber di sekolah-sekolah menengah di luar bandar yang telah dipilih.

Sebelum ini IMD pernah dilaksanakan di beberapa buah sekolah antaranya adalah di SMK Jengka 24, Pahang pada tahun 2010, SMK Pasir Gudang, Johor pada tahun 2011 dan SMK Pondok Upeh, Balik Pulau, Pulau Pinang pada tahun 2013.

Program IMD untuk kali yang ke empat ini pula telah memilih SMK Tanjong Puteri, Kuala Ketil, Kedah untuk pembangunan projek menaiktaraf Pusat Sumber mereka.

Sebelum berlangsungnya acara kemuncak IMD yang akan dilaksanakan di sekolah tersebut, pihak Perpustakaan UiTM akan menganjurkan bengkel pengkatalogan dan pengkelasan yang bertujuan untuk memberikan penumpuan khusus untuk membantu guru-guru Pusat Sumber dalam memberikan pendedahan dan membangunkan Pusat Sumber sesuai dengan keperluan kurikulum sekolah dengan lebih efektif dan berkesan.

Selain daripada itu ianya turut menekankan pengurusan Pusat Sumber dilaksanakan dengan cara yang profesional berdasarkan piawai-piawai yang ada terutama mengkatalog dan mengkelas.

Antara tujuan lain adalah meningkatkan keupayaan merancang aktiviti-aktiviti dan program di Pusat Sumber Sekolah agar lebih berkesan dan berfaedah warga sekolah di samping membolehkan guru penyelaras Pusat Sumber memantapkan Pusat Sumber secara lebih sistematik bagi menarik perhatian semua pelajar. Bengkel yang berlangsung selama dua hari iaitu dari 10hb – 11hb. April ini telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan PUiTM iaitu Encik Noor Hidayat Adnan. Antara hadirin yang turut hadir adalah Datin Hajah Azuyah binti Hassan, Pengarah Pendidikan Negeri Kedah dan beberapa ketua jabatan daripada Perpustakaan UiTM.



Pensijilan Semula ISO 9001:2008 PUiTM Tahun 2015



Pada 1 – 8 April yang lalu, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menjalani Pembaharuan Pensijilan ISO 9008 : 2008 Perpustakaan UiTM bagi pusingan yang keempat. Audit untuk pembaharuan pensijilan kali ini telah dilaksanakan di PTAR Utama pada 1 & 7 April, manakala Perpustakaan Puncak Perdana dan Puncak Alam pada 2 April, dan 8 April di Perpustakaan Pengurusan Perniagaan. Pasukan Juru audit terdiri dari 4 orang yang diketuai oleh Cik Noor Habibah Abu Bakar dari LRQA. Pada Mesyuarat Penutup, Cik Habibah telah mengumumkan bahawa PTAR telah berjaya memperbaharui Pensijilan ISO 9001:2008 untuk pusingan yang keempat bermula bulan 9 April 2015 dan akan tamat tempoh pada 9 April 2018. Beberapa teguran telah diutarakan oleh pihak juruaudit bagi tujuan penambahbaikan proses penyediaan perkhidmatan perpustakaan kepada pelanggan.

DIARI PTAR April 2015

Pensijilan Semula ISO
01 April 2015

**Bengkel Pengkatalogan & Pengkelasan
Guru Pusat Sumber**
10 - 11 April 2015

**Lawatan Penandaarasan PTAR ke
Jabatan Penerangan Malaysia**
15 April 2015

**Lawatan Penandaarasan PTAR ke
Perpustakaan Zaaba, UM**
15 April 2015

Kaunter Zakat dan Taklimat Zakat
24 April 2015

**Tazkirah Bulan April :
Rumahku Syurgaku**
24 April 2015

Ilmu Mengubah Destini PTAR 2015
27-29 April 2015

**Lawatan Sekolah Menengah Agama
ke PTAR**
30 April 2015